

24 JAN 1997

Mahathir - MAS

PM KATA ADA KEMPEN BURUKKAN MAS

KUALA LUMPUR, 24 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata terdapat usaha orang tertentu yang giat menggerakkan kempen memburuk-burukkan Penerbangan Malaysia (MAS) dan pengurusannya dengan harapan untuk mengambil alih syarikat penerbangan kebangsaan itu.

Perdana Menteri berkata, beliau sendiri ada mendengar khabar-khabar angin yang disebarkan oleh orang tertentu kononnya Pengerusi MAS, Tan Sri Tajuddin Ramli, ingin menjual syarikat itu kerana tidak mampu menguruskannya lagi.

"Saya tanya Tajuddin sendiri betulkah dia nak jual (MAS), dia kata dia tidak ingin nak jual tapi ada orang barangkali yang berminat untuk nak beli (MAS) buat kempen supaya nampak dia tak boleh urus, lepas itu patut jual," katanya ketika ditanya pemberita selepas majlis berbuka puasa dan penyampaian hadiah Hari Raya kepada anak-anak yatim di ibu pejabat Tabung Haji, di sini malam ini.

Dr Mahathir diminta mengulas laporan akhbar yang menyebut kualiti perkhidmatan MAS semakin merosot disebabkan kekurangan tenaga kerja terlatih dtermasuk juruterbang bagi menampung pembesarannya, termasuk memperkenalkan destinasi-destinasi baru.

Bagaimanapun, pada 22 Jan lepas, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata, kerajaan mempunyai keyakinan penuh dengan keupayaan Tajuddin untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi MAS dan terus menerajui syarikat itu.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak berniat untuk menghalang mana-mana pihak mengkritik MAS jika kualiti perkhidmatan syarikat itu benar-benar merosot.

Bagaimanapun, kata beliau, apa yang kelihatan sekarang ialah kempen orang tertentu untuk menyingkir Tajuddin daripada menerajui MAS dan bukan benar-benar ditujukan kepada kelemahan mutu perkhidmatan syarikat itu.

"Saya tengok kadang-kadang itu macam ada satu kempen nak buang Tajuddin Ramli.

"Itu perkara biasalah, selalu berlaku bila ada satu-satu orang kita tak suka kita hebah dan memburukkan nama orang itu. Bila dia dah berhenti, kita pun berhenti kritik dia," katanya ketika ditanya sama ada beliau yakin berita mengenai kemerosotan kualiti perkhidmatan MAS itu sebenarnya kempen untuk menjejaskan imej syarikat itu dan Tajuddin.

Dr Mahathir berkata, kritik yang keterlaluan itu boleh menyebabkan MAS lingkup kerana imej buruk yang dihebah-hebahkan akan menyebabkan orang ramai tidak mahu menggunakan perkhidmatan syarikat berkenaan.

"Kalau nak bagi lingkup kita punya syarikat penerbangan sendiri kita kritiklah, orang lain pun nanti tak nak naik," katanya.

Sebagai contoh, Perdana Menteri berkata, berita mengenai satu dua kes taun di Pulau Pinang tahun lepas yang diperbesar-besarkan oleh media telah menyebabkan ramai pelancong membatalkan lawatan ke negara ini dan akibatnya MAS kerugian RM50 juta.

Katanya, terdapat negara-negara lain yang kes taun lebih teruk, bahkan berlaku hampir sepanjang masa, tetapi media mereka tidak memperbesarkan isu itu.

"Ini kita buat pada diri kita, sudah tentu kita yang rugi," katanya dan menambah bahawa perkara yang sama akan berlaku kepada MAS jika dakwaan mengenai kemerosotan kualiti perkhidmatannya terus dihebohkan maka Malaysia akan mempunyai syarikat penerbangan yang gagal.

Ketika ditanya sama ada beliau berpuas hati dengan mutu perkhidmatan MAS sekarang, Dr Mahathir berkata: "Saya tak ada apa-apa. Dia cukup berkembang, dia pergi lebih banyak tempat, lebih efisien daripada dulu".

Perdana Menteri berkata MAS tidak pernah benar-benar mencatatkan keuntungan sebelum diserahkan kepada Tajuddin kerana keuntungan yang dilaporkan sebelum diswastakan lebih berpunca daripada hasil penjualan kapalterbang.

Katanya, MAS kini lebih berani mengembangkan perkhidmatannya kepada lebih banyak destinasi, termasuk Afrika Selatan dan Argentina, seperti yang diminta oleh kerajaan.

"Saya fikir MAS lebih efisien sekarang. Dulu kapalterbang MAS terbang ke mana ... sekarang ini dia tambah merata tempat. Kalau dia pergi merata tempat takkan hari pertama lagi nak dapat untung, hari pertama juga perkhidmatan mesti baik," katanya.

Katanya, perkembangan MAS yang terlalu pesat telah menyebabkan syarikat itu menghadapi masalah tenaga kerja tetapi beliau berpendapat ini merupakan masalah semua syarikat penerbangan yang melalui fasa seperti MAS, lebih-lebih lagi dalam keadaan gunatenaga penuh di Malaysia.

Ketika ditanya sama ada kerajaan telah menasihati MAS supaya memperbaiki perkhidmatannya dalam tempoh tertentu, beliau berkata: "Dia syarikat swasta, bukan kita (kerajaan) punya ... kita cuma boleh buat teguran, kemudian terpulang kepada pengurusannya. Kita bukan ada kuasa nak bagi tempoh".

Mengenai siasatan terhadap dakwaan penyelewengan dalam pemberian kontrak oleh Telekom Malaysia Berhad kepada syarikat Ericsson Telecommunications, Perdana Menteri berkata, beliau belum mendapat sebarang laporan mengenai siasatan itu dan menjangka ia akan mengambil masa untuk diselesaikan.

"Terpulanglah kepada orang yang menyiasat. Kalau salah, salahlah, kalau tak salah, tak salahlah," katanya.

Terdahulu, ketika berucap pada majlis itu, Dr Mahathir berkata, pertubuhan dan individu yang ingin menghulurkan derma tidak seharusnya mengambil kira keturunan dan agama penerima sumbangan mereka.

Beliau berharap rakyat Malaysia meneruskan amalan suka menderma bagi membantu golongan yang memerlukan.

Pada majlis itu, Persatuan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menyumbangkan sebanyak RM84,000 kepada 600 anak yatim daripada pelbagai kaum di sini dengan setiap seorang mendapat sebanyak RM140.

Yang turut menderma ialah Badan Amal Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (BAKTI) dan Baitulmal Wilayah Persekutuan. -- BERNAMA

AH WAT